

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PHARMANIAGA REKOD KEJAYAAN MEMASANG
MESIN PENGISIAN *PRE-FILLED SYRINGE (PFS)* PERTAMA
MALAYSIA DI KILANG VAKSIN HALAL PERTAMA DI DUNIA**

SHAH ALAM, 8 FEBRUARI 2023 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga), melalui anak syarikat milik penuhnya Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd (PLS) telah berjaya memasang mesin pengisian *Pre-Filled Syringe (PFS)* yang pertama di Malaysia untuk pengilangan produk vaksin, baru-baru ini.

Kilang vaksin ini adalah sebahagian daripada pelan pembangunan berterusan PLS menjadi kilang pengeluaran vaksin Halal pertama di dunia. Selain mesin pengisian PFS, kilang ini juga telah memasang mesin pembungkusan, termasuk mesin *denester*, mesin pemeriksaan visual automatik (*Automatic Visual Inspection*), mesin *Plunger Rod Insertion*, mesin pelabelan dan mesin pensterilan.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope berkata kilang vaksin itu telah siap pembinaan fizikalnya pada bulan November 2022 mengikut pelan susunatur yang telah diluluskan.

"Manakala, mesin-mesin pengilangan vaksin yang dibeli termasuk sistem utiliti seperti sistem *Purified Water (PW)*, *Water for Injection (WFI)* dan *Pure Steam* yang berteknologi tinggi serta memenuhi piawaian antarabangsa telah berjaya menjalani fasa *Factory Acceptance Tests (FAT)* sebelum diimport dan dipasang di kilang ini.

"Kami berbangga kerana mempunyai barisan pengeluaran PFS pertama Malaysia di kilang vaksin ini dan mensasarkan keseluruhan kilang ini bakal siap sepenuhnya dan memperoleh penarafan Amalan Perkilangan Baik (GMP) menjelang suku ketiga tahun ini," katanya.

Sementara itu, Datuk Zulkarnain turut maklumkan pembinaan projek Kilang Insulin Halal di PLS kini berada pada tahap 82%.

"Kami sedang menyiapkan kilang insulin halal yang terletak di bangunan yang sama bagi produk kartrij insulin. Fasa FAT untuk mesin pelabelan dan mesin *blistering* bagi produk kartrij insulin telah selesai dijalankan pada Disember 2022.

"Manakala fasa FAT mesin-mesin yang lain untuk produk kartrij insulin seperti mesin pendispensan, mesin pensterilan, sistem pembuatan larutan steril, mesin pengisian kartrij dan mesin pemeriksaan visual automatik (*Automatic Visual Inspection*) dijadualkan bermula pada Februari 2023. Kilang insulin Halal ini disasarkan siap pada suku keempat tahun 2023," kata Datuk Zulkarnain.

Datuk Zulkarnain mensasarkan kedua-dua kilang vaksin dan insulin Halal ini sedia untuk dikomersialkan pada tahun 2024 untuk produk vaksin dan pada tahun 2025 untuk produk insulin.

“Kedua-dua kilang vaksin dan insulin ini adalah usaha pertama di dunia dan dalam negara, sejajar dengan tonggak pertumbuhan strategik Syarikat yang akan memacu pertumbuhan masa depan industri biofarmaseutikal Halal negara,” katanya.

Perancangan untuk meluaskan aktiviti perniagaan Pharmaniaga di dalam industri biofarmaseutikal telah bermula sejak tahun 2017 sebelum bermulanya pandemik COVID-19 dengan menjalinkan kerjasama bersama-sama syarikat-syarikat biofarmaseutikal yang bereputasi tinggi bagi pemindahan teknologi dan produk.

Aktiviti perniagaan teras Pharmaniaga yang lain adalah logistik untuk produk farmasutikal di mana Syarikat mempunyai lima pusat logistik dan edaran yang terletak secara strategik di seluruh negara termasuklah di Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak yang disokong oleh lebih 200 kenderaan bagi pengedaran melalui udara, air dan darat yang memastikan penghantaran pintu ke pintu yang cekap dan tepat pada masanya. Di peringkat antarabangsa, Pharmaniaga telah bertapak di Indonesia melalui anak syarikat PT Millennium Pharmacon International Tbk (MPI) di Jakarta, yang turut menjalankan perniagaan logistik dan edaran farmaseutikal, serta tersenarai awam di negara itu.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel najmuddin@pharmaniaga.com atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email zuhri@pharmaniaga.com.